

12/11/2001

Malaysia bakal pusat equestrian

Zulkofli Jamaludin; Mohd Ali Majid

KERAJAAN berhasrat menjadikan Malaysia sebagai Pusat Sukan Equestrian lengkap di Asia Tenggara, yang boleh digunakan oleh segenap masyarakat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Serentak itu, Perdana Menteri berkata kerajaan sentiasa menyokong program yang dianjurkan oleh jabatan, persatuan dan sektor swasta untuk menggalakkan sukan berkenaan.

Beliau berkata, kejayaan cemerlang peserta Malaysia dalam sukan equestrian di peringkat serantau dan antarabangsa, seharusnya menjadi dorongan kepada rakyat untuk memajukan sukan itu.

"Sukan equestrian ini bukan saja boleh menjadi kegemaran rakyat jika dipromosikan dengan baik, malah boleh menjadi sukan disukai ramai seperti show jumping dan dressage," katanya dalam buku cenderamata sempena kejohanan Menunggang Lasak Antarabangsa anjuran Polis Diraja Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad (TNB), di Putrajaya semalam.

Dalam pertandingan itu, Kumpulan Perdana Menteri yang turut dianggotai Tan Sri Azman Hashim, Datuk Kok Onn dan Lai Kai Weng menduduki tempat kedua dengan catatan masa keseluruhan 5.24 jam.

Tempat pertama dimenangi Kumpulan Datuk Bandar yang dianggotai Datuk Abdul Ghani Rashid, Fuad Mahmud, Inspektor Mohamad Din Mat dan Prof Madya Tamjes Kastiran dengan masa 3.52 jam.

Kumpulan TNB yang dianggotai oleh Pengerusinya, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis, Dr Yusof Ahmad, Mejar (B) Abu Bakar Abd Rahmaan dan Sufian Said menduduki tempat ketiga.

Dalam pertandingan individu sejauh lebih 17 kilometer itu, Dr Mahathir menduduki tempat ketiga dengan catatan masa 1.48 jam, manakala tempat pertama dimenangi Abdul Ghani (1.01 jam) dan kedua Mohamad Din (1.02 jam).

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai. Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sementara itu, pada sidang akhbar Perdana Menteri berkata, agensi kerajaan akan berusaha membantu meningkat dan menggalakkan rakyat dari semua lapisan menyertai sukan equestrian.

"Ia bukan sukan yang mahal di Malaysia. Di negara lain diplomat pun tidak mempunyai peluang untuk menunggang kuda. Di Malaysia, diplomat mampu menunggang dan menyertai sukan equestrian," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam pertandingan Perdana Klasik itu peserta sepatutnya menunggang sejauh 20 kilometer, tetapi jaraknya dipendekkan kerana ada kawasan sukar dilalui.

Ditanya apakah pertandingan itu mencabar, Perdana Menteri berkata beliau pernah menunggang sejauh 30 kilometer tetapi cuaca di sini agak panas sehingga menyebabkan banyak berpeluh.

Semalam Perdana Menteri mengetuai pasukan Kelab Perdana Menteri dengan menunggang Don Luis berasal dari Argentina bersama Datuk Kok Onn, Lai Kai Weng dan Tan Sri Azman Hashim.

Sementara itu Datuk Bandar Kota Kinabalu, Datuk Abdul Ghani Rashid muncul juara dengan catatan masa satu jam, satu minit dan 59 saat dengan memacu kuda berasal dari Australia bernama Crystal.

Insp Mohd Din Mat dari PDRM yang menunggang Kemboja menduduki tempat kedua.

Dalam acara berpasukan, Perdana Menteri membantu pasukannya menduduki tempat kedua. Pasukan Mayor yang diketuai oleh Datuk Ghani muncul juara.

Sementara itu ekuin dari PDRM, Norhisham Idris membuat kejutan apabila muncul juara acara 80 kilometer.

Norhisham mengetepikan cabaran 16 ekuin menunggang lasak dalam kejohanan julung kali diadakan dalam usaha memajukan sukan ekuestrian di negara ini.

Dalam kejohanan sejauh 80km Kategori B FEI itu, Norhisham yang memacu Amir mencatat masa tujuh jam 26 minit dan 11 saat dalam kelajuan 11:01 kmj.

Tempat kedua dimenangi oleh ekuin dari Sabah yang mewakili TNB, Mark Haith yang menunggang Paddy dengan catatan masa 7 jam 34 minit dan 18 saat.

Pemenang pingat emas di Sukan Sea XXI Kuala Lumpur, Datuk Kamaruddin Abdul Ghani yang menunggang Elsie berada di tangga ketiga dengan catatan masa tujuh jam 34 minit dan 19 saat.

Dalam bahagian Putrajaya Challenge 60km pula pemenang ialah Mohd Sharaf Ibrahim dari PDRM yang menunggang Richard dan mencatat masa lima jam 59 minit dan 44 saat.

Acara ini disertai oleh 11 ekuin tetapi hanya Mohd Sharaf sahaja yang berjaya menamatkan perlumbaan dari Putrajaya dan berakhir di Uniten Bangi.

(END)